

15/04/1997

Korban kedua terbesar di dunia

ALOR STAR, Isnin - Penyembelihan korban secara besar-besaran di Kompleks Basmi Kemiskinan dan Pusat Penyembelihan Korban Paya Pahlawan, di Jitra, Jumaat ini adalah yang kedua terbesar di dunia dan menjadi sejarah penting negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyambut Aidiladha di Kedah dan Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid, akan menyaksikan majlis korban besar-besaran itu.

Penyembelihan korban secara besar-besaran itu setakat ini dilakukan di dunia ialah di Jeddah, Makkah.

Penyelaras Program Penyembelihan dan Pengedaran Daging Korban negeri, Sheikh Ismail Hashim, berkata 1,000 lembu bernilai RM1.5 juta akan disembelih di kompleks itu pada Aidiladha pertama, selepas solat Jumaat.

Menurutnya, kumpulan pertama sejumlah 700 lembu diimport dari Australia akan tiba di pusat penyembelihan mulai esok dan diikuti 300 lagi, Rabu ini.

Sheikh Ismail berkata, orang ramai yang berminat menyaksikan majlis itu perlu mendapatkan pas khas untuk memasuki kawasan kompleks.

"Bagaimanapun, mereka boleh menyaksikannya dari jarak jauh, iaitu melalui luar pagar kawasan kompleks.

"Kawasan itu kini dijadikan kawasan larangan kecuali mereka yang mempunyai pas lawatan," katanya.

Mengenai pengedaran, beliau berkata, beribu-ribu penduduk miskin di Kedah akan mula menerima daging korban seminggu selepas hari raya.

Katanya, penyelaras akan mengedarkan semua organ lembu, seperti hati, limpa, perut, jantung dan kepala kepada penduduk miskin mulai hari pertama penyembelihan.

"Ia kerana bahagian berkenaan tidak sesuai untuk disimpan lama seperti daging," katanya.

Projek pengedaran daging korban itu diuruskan Perbadanan Kemajuan Kedah (PKNK) membabitkan kawasan seluas 111 hektar bernilai lebih RM10 juta di kawasan hutan di Paya Pahlawan.

Selain penyembelihan, tempat simpanan daging korban dan pengangkutan juga disediakan di kompleks berkenaan.

Sheikh Ismail berkata, pada masa ini kerja pembinaan kompleks itu telah siap, termasuk tempat simpanan sejuk daging korban.

Beliau berkata, pihaknya sudah melatih lebih 150 pekerja, termasuk tukang sembelih, melapah dan memotong daging di beberapa pusat penyembelihan, seperti di rumah penyembelihan Shah Alam, Selangor dan Mergong, Kedah.

"Mereka boleh menyembelih sehingga 30 dan 40 ekor lembu dan kerbau setiap satu jam," katanya.

Beliau juga berkata, orang ramai yang berminat menunaikan ibadat sunat korban di kompleks itu masih boleh mendaftar dengan bayaran sebanyak RM220.

Bagi tujuan itu, PKNK membuka tempat khas pendaftaran di ruang legar Wisma PKNK, bersebelahan Pasar Raya Peladang.

(END)